

Headline	Petani terpaksa bakar harumanis		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	568 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZAID MOHD. NOR	AdValue	RM 14,797
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,391



Harumanis busuk di pokok akibat kurang permintaan, kelemahan pemasaran

# Petani terpaksa bakar harumanis

Oleh Zaid Mohd. Nor  
dan Megat Lutfi Megat Rahim

**PADANG BESAR** – Para petani harumanis di Perlis mengalami kerugian besar berjuta-juta ringgit pada tahun ini kerana berlaku lambakan buah dan penurunan mendadak harga harumanis yang memaksa sesetengah mereka membakar hasil ladang masing-masing untuk mengelakkan ancaman penyakit.

Malah lebih buruk, buah harumanis yang dipetik terpaksa dijual pada harga serendah RM10 sekilogram kepada peraih dan RM15 kepada pembeli akibat lambakan di pasaran pada bulan puasa selain faktor kelemahan pemasaran.

Fenomena itu cukup mengejutkan kepada pengusaha ladang harumanis berbanding zaman kemuncak pada tahun 2015 apabila seorang petani mampu mengaut untung dengan menjual harumanis pada harga RM50 sekilogram.

Menurut seorang pekebun, Musa Darus, 75, dia tidak menyangka tahun ini merupakan ujian terbesar bagi dirinya dan pengusaha lain kerana permintaan merosot teruk lebih 70 peratus sehingga menyebabkan banyak buah terbiar busuk di pokok.

Musa berkata, 133 pokok mempelam harumanisnya mengeluarkan hasil kira-kira lima tan (5,000 kilogram) tahun ini, namun malangnya 2.5 tan terpaksa dibiarkan busuk di pokok dan terpaksa dibakar bagi mengelakkan penyakit yang mengancam pokok lain.

“Pendapatan bersih saya pada tahun ini menjunam kepada RM20,000 sahaja berbanding mencecah RM50,000 pada tahun lalu.

“Sebenarnya tahun 2015 merupakan kemuncak dengan

jualan bersih RM80,000 kerana harga dan permintaannya yang tinggi serta masih tidak ramai pekebun kecil yang mengusahakannya.

“Namun, pada tahun ini beberapa faktor berangkai iaitu kurangnya permintaan pada bulan Ramadan dan Aidilfitri, pemasaran kurang efektif selain keghairahan pekebun kecil menjual buah itu pada harga semurah RM10 sekilogram menyebabkan ikon Perlis ini hilang punca,” katanya ketika ditemui *Kosmo!* di ladang harumanis miliknya di Santan di sini-kelmarin.

Musa mengusahakan ladang harumanis seluas 1.5 hektar.

Kata Musa, dia terpaksa menjual harumanis pada harga RM20 sekilogram secara terus dari ladangnya pada

tahun ini berbanding RM30 pada tahun lepas.

Katanya, kos menghasilkan sebiji mempelam harumanis kira-kira RM10 sebiji merangkumi penggunaan baja, racun pengawal serangga perosak, vitamin penggalak pembesaran buah, pembalut buah dan kos upah membalut.

Dalam pada itu, Musa berkata, keghairahan kerajaan negeri Perlis meminta rakyat negeri ini menanam pokok harumanis menyebabkan mereka tidak dapat mengawal harganya sehingga berlaku penipuan.

“Saya berharap kerajaan negeri dapat mempromosikan mempelam ini dengan lebih aktif selain menyelia mekanisme pemasaran bagi memastikan harganya tidak jatuh,” katanya.

Hasil buah mempelam harumanis meningkat dua kali ganda pada tahun ini iaitu dianggarkan 2,150 tan berbanding 780 tan pada tahun lepas.

Bagaimanapun, menurut sumber, oleh kerana kurangnya permintaan pada Ramadan, lambakan buah dan kelemahan strategi pemasaran menyebabkan jualan

buah harumanis yang dijangka mencecah RM55 juta pada tahun ini merosot kepada RM27 juta sahaja.

Dalam pada itu, seorang lagi pekebun harumanis, Sali-

na Abdullah, 51, yang mempunyai 20 pokok mempelam harumanis di Santan di sini berkata, kebunnya mengeluarkan hasil kira-kira 2,000 biji setiap kali pengeluaran sejak tujuh tahun lalu.

“Namun, keadaan kali ini berbeza dan saya terpaksa menjual buah itu pada harga RM15 hingga RM20 sekilogram kerana kekurangan permintaan pada bulan Ramadan,” katanya.

Sementara itu, seorang peraih, Mustakim Abdullah, 33, mendakwa, pemasaran yang tidak efektif menyebabkan berlakunya lambakan buah harumanis.

“Hanya 45 peratus rakyat negara ini mengenali ikon negeri Perlis itu. Pasaran tempatan bagi buah mempelam itu terhad di Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan tetapi di Pantai Timur, Johor, Sabah dan Sarawak, orang ramai masih tidak tahu mengenai harumanis,” katanya ketika ditemui di premis Perusahaan Abdullah Sekeluarga di sini kelmarin.

Headline	Petani terpaksa bakar harumanis		
MediaTitle	Kosmo		
Date	12 Jun 2017	Color	Full Color
Section	Negara	Circulation	197,202
Page No	2	Readership	875,000
Language	Malay	ArticleSize	568 cm <sup>2</sup>
Journalist	ZAID MOHD. NOR	AdValue	RM 14,797
Frequency	Daily	PR Value	RM 44,391

## INFO

### Mempelam harumanis Perlis

- Keluasan tanaman mempelam harumanis 1,408 hektar di seluruh Perlis
- Hasil pengeluaran buah mempelam harumanis dianggarkan 2,150 tan berbanding 780 tan pada 2016
- Anggaran prospek jualan pada tahun ini mencecah lebih RM55 juta, namun masalah kurangnya permintaan mungkin menyebabkan jualan hanya RM27 juta
- Sebatang pokok mempelam harumanis boleh menghasilkan 300 hingga 500 biji buah selepas tempoh matang kira-kira tiga tahun enam bulan
- Harga jualan antara RM15 hingga RM40 sekilogram
- Keistimewaan mempelam harumanis terletak pada aroma dan keenakan rasa isinya
- Satu kilogram kebiasaannya mengandungi dua hingga tiga biji mempelam harumanis
- Satu hektar tanaman pokok mempelam harumanis dapat mengeluarkan hasil 4,000 kilogram buah
- Perlis mendaftarkan nama mempelam harumanis sebagai harta intelek negeri
- Harumanis dapat dihasilkan secara berkualiti di Perlis atas beberapa faktor antaranya cuaca yang memerlukan cuaca panas sekurang-kurangnya dua bulan
- Terdapat tiga jenis serangga yang terlibat sebagai agen pendebungaan harumanis iaitu lebah keran, kelulut dan lalat
- Buah ini dikatakan tidak terdapat di negeri lain

“Pendapatan bersih saya pada tahun ini menjunam kepada RM20,000 sahaja berbanding mencecah RM50,000 pada tahun lalu

**MUSA DARUS**

**Ekklusif**



MUSA (dua dari kanan) dan isterinya, Zainab Hasim (kanan) melayan pelanggan yang datang ke ladang mereka untuk membeli harumanis di Santan, Padang Besar kelmarin.



MUSA menunjukkan harumanis yang dikumpul dan terpaksa dibakar bagi mengelakkan ancaman penyakit selepas ia busuk di pokok kerana tidak dapat dipasarkan di Santan, Padang Besar kelmarin.